

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	7/4/2021	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



Ladang haram dalam Hutan Simpan Sempam dimusnah

Kawasan lebih
16.2 hektar
ditanam pisang,
durian Musang
King, Duri Hitam

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Raub: Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub bertindak tegas dengan memusnahkan tanaman pisang, durian Musang King dan Duri Hitam seluas lebih 16.2 hektar yang ditanam secara haram di Kompartmen Satu, Hutan Simpan Sempam, Mukim Tras, di sini.

Pegawai PHD Raub, Shahril Mohamad, berkata operasi musnah bermula 9 pagi kelmarin disertai 14 kakitangan dibantu Unit Tindakan Khas (UTK) Raub dan dua anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau berkata, siasatan mendapati kawasan berkenaan ditekoka dengan tanaman pisang jenis berangan dan sematu berusia empat bulan, sementara durian Musang King dan Duri Hitam pula berusia tiga bulan dalam kawasan seluas lebih 16.2 hektar.

Katanya, selain memusnahkan pokok yang ditanam, pihaknya turut merobohkan pondok atau rumah kongsi sementara dihina, dipercayai tempat tinggal 10 hingga 15 pekerja ladang berke-



Kakitangan Pejabat Hutan Daerah Raub memusnahkan pokok pisang yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Sempam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

naan yang bekerja dengan tiga individu.

“Ketika operasi dijalankan pihak kami tidak menemui pekerja dalam kawasan ladang berkenaan, dipercayai mereka terlebih dahulu meninggalkan tempat itu sebelum serbuan dilakukan.

“Operasi pemusnahan ladang haram yang bermula semalam (kelmarin) dijangka mengambil masa empat hingga lima hari bergantung keadaan cuaca yang tidak menentu kini,” katanya, dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, usaha memusnahkan tanaman yang ditanam secara haram itu mengambil ma-

sa panjang kerana mereka yang terlibat dalam operasi itu menggunakan parang untuk menebang lebih 5,300 pokok pisang dan durian Musang King (4,000) serta Duri Hitam (1,300).

Shahril berkata, bentuk muka bumi yang berbukit di Hutan Simpan Sempam turut menjadi faktor kelewatan operasi memusnahkan tanaman yang dilakukan secara berterusan.

Katanya, tiga individu dipercayai menjadi dalang meneroka kawasan berkenaan yang terletak di tengah Hutan Simpan Sempam, seolah degil serta cuba mencahar kerajaan negeri dan pihak

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

“Sebahagian pokok pisang berangan dan sematu sudah mengetutarkan hasil dan ia dipercayai dipasarkan di daerah ini.

“Kita tidak akan berkompromi dengan individu yang mencoroboh hutan simpan di daerah ini, tindakan tegas menanti mereka dibawah Akta Perhutanan Negara 1984.

“Kita akan terus berusaha mengesan kegiatan mencoroboh hutan simpan di daerah ini, pelbagai cara akan digunakan bagi memastikan kesalahan itu dapat segera disekat,” katanya.